

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)14

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

14. Sila nyatakan apakah perancangan khusus Kerajaan Negeri bagi golongan belia, terutamanya mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19.
- (a) Adakah skim pinjaman tanpa faedah khas untuk usahawan belia daripada Kerajaan Negeri dibekalkan?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah merangka beberapa perancangan khusus bagi golongan belia terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan menjalankan beberapa inisiatif atau program yang berkaitan dengan belia. Kebanyakan inisiatif atau program tersebut telah dilaksanakan secara dalam talian dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada golongan belia Pulau Pinang.

Antara inisiatif atau program tersebut adalah seperti berikut:

ASPEK	INISIATIF / PROGRAM	HURAIAN
<p>Pembangunan Ekonomi</p>	<p><i>We Want You</i></p>	<p>(i) Sebuah portal carian kerja yang memadankan para majikan dan pekerja yang terjejas oleh pandemik; dan</p> <p>(ii) Proses permohonan dan temu duga masih berlangsung sehingga kini.</p>
	<p><i>Tales of Entrepreneurs</i></p>	<p>(i) Sebuah video bersiri dengan 27 episod yang memaparkan kisah usahawan muda dalam</p>

		<p>menghadapi</p> <p>cabaran berniaga</p> <p>ketika pandemik;</p> <p>dan</p> <p>(ii) Mempromosikan</p> <p>perniagaan</p> <p>usahawan muda di</p> <p>laman sesawang</p> <p>PYDC secara</p> <p>percuma.</p>
	Digitalisasi	<p>(i) Program latihan /</p> <p>pembelajaran <i>Web</i></p> <p><i>Hosting</i> atau <i>Virtual</i></p> <p><i>Private</i></p> <p><i>Server</i> (VPS) secara</p> <p>percuma selama</p> <p>satu (1) tahun</p> <p>kepada 1,000 orang</p> <p>pelajar berusia</p>

		<p>antara 15 hingga 35 tahun; dan</p> <p>(ii) Sebagai persediaan kepada belia dalam menghadapi dunia transformasi digital.</p>
	<p>Youth Entrepreneurship Challenge</p>	<p>(i) Sebuah platform keusahawanan berbentuk pertandingan bagi memperkasakan golongan belia Pulau Pinang dalam membangunkan perniagaan sebelum memasuki dunia pasaran sebenar.</p>
	<p>Penang Young Digital Talent</p>	<p>(i) Program pensijilan yang diakui oleh</p>

		<p>Kerajaan Negeri dan pihak industry; dan</p> <p>(ii) Menawarkan modul teras, kemahiran insaniah, teori dan praktikal.</p>
<p>Pembangunan Diri</p>	<p>Program Reskilling, Upskilling & New Skilling: PYDC Essential Skills</p>	<p>(i) Program ini menawarkan modul peningkatan kebolehpasaran golongan belia yang sedang menganggur.</p>
	<p>Art In Motion</p>	<p>(i) Bengkel solekan;</p> <p>(ii) Pergerakan badan "Opera Teochew";</p>

		<p>(iii) Bengkel gubahan bunga; dan</p> <p>(iv) PYDC <i>Art of Wayang Kulit</i>.</p>
	e-Sukan	<p>(i) Penganjuran perlawanan e-sukan; dan</p> <p>(ii) Penganjuran Kursus Tatacara Penganjuran Perlawanan e-Sukan.</p>
	Youth Resilient Superstars	<p>(i) Program membina daya tahan diri, tingkah laku dan prososial.</p>

	<i>Empower Your Potential</i>	(i) Memupuk daya kepimpinan dan memperkasakan potensi golongan belia dalam pelbagai aspek kehidupan.
	<i>Youth With Rhythm</i>	(i) Menyediakan platform pengembangan bakat belia Pulau Pinang dalam bidang persembahan.
Pembangunan Sosial	Kesedaran Sivik	(i) Program sembang santai bersiri bagi meningkatkan kesedaran belia mengenai COVID-19.

	<p>Penang Youth Volunteer</p>	<p>(i) Pendaftaran dan pengagihan “Bakul Makanan”;</p> <p>(ii) Pemantauan Prosedur Operasi Standard (SOP) Liga Super Malaysia dan Piala Malaysia; dan</p> <p>(iii) Program Memasak Bubur Lambuk.</p>
--	--------------------------------------	--